

08 SEP 1997

Harakah

PAS NAFI JUAL HAKAH SECARA TERBUKA

ALOR SETAR, 8 Sept (Bernama) -- Tindakan kedai-kedai buku menjual Harakah secara terbuka adalah di luar kawalan Pas, kata Presidennya Haji Fadzil Noor hari ini.

Beliau berkata pengedar-pengedar akhbar suara parti itu yang dilantik mungkin telah memberikan kontrak pengedaran akhbar itu kepada kedai-kedai buku.

Oleh itu, pengurusan Harakah akan mengulangi peringatan kepada pengedar-pengedarnya yang dilantik supaya hanya menjual Harakah kepada para anggota parti itu sahaja, katanya di sini.

Beliau mengulas pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk tidak membenarkan akhbar Harakah dan Raket milik DAP dijual kepada umum berkuatkuasa segera.

Harakah yang mempunyai permit penerbitan Kementerian Dalam Negeri diterbitkan tiga kali seminggu dengan kira-kira 40,000 naskhah diterbitkan setiap kali.

Pas, katanya, akan mengkaji sama ada parti itu perlu mendapatkan permit untuk memperluaskan jualan akhbarnya secara terbuka.

Di KUALA LUMPUR, Parti Rakyat Malaysia membantah keputusan Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, mengenai pengharaman penjualan Harakah kepada orang ramai.

Presidennya Dr Syed Husin Ali dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini berkata Harakah diterbitkan dengan kebenaran Kementerian Dalam Negeri dan pelik sekali bahawa menterinya menafikan hakikat ini.

Katanya ia hanya melanggar peraturan yang menyekat penjualan akhbar parti kepada orang ramai yang bukan menjadi anggota Pas. -- BERNAMA

HT AKD